

SOALAN NO. 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT TUAN JULIAN TAN KOK
PING [STAMPIN]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci bagaimana peruntukan di Kawasan Parlimen Stampin digunakan semenjak GE13 sehingga yang terkini. Senaraikan dalam jadual setiap projek tersebut berserta jumlah yang diperuntukkan. Status terkini, tarikh peruntukan dan siap setiap projek tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Pilihan Raya Umum ke-13 hingga tahun 2017, sebanyak RM1.33 juta telah dibelanjakan bagi kawasan Parlimen Stampin yang meliputi pelaksanaan 148 program/projek pelbagai kategori seperti bantuan kebajikan dan kecemasan, program sosial masyarakat, membekalkan peralatan dan kelengkapan, dan bantuan kepada pusat kegiatan masyarakat/orang ramai.

Ringkasan program/projek yang diluluskan di bawah peruntukan tersebut bagi kawasan Parlimen Stampin selepas PRU-13 adalah seperti berikut:

**JADUAL 1 : RINGKASAN PROGRAM/PROJEK DI KAWASAN
PARLIMEN STAMPIN SELEPAS PRU13**

TAHUN	KATEGORI	BIL PROJEK	PERBELANJAAN (RM)	STATUS
2013	BANTUAN KEBAJIKAN DAN KECEMASAN	4	70,000.00	SIAP
	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	6	231,172.00	SIAP
	PERALATAN DAN KELENGKAPAN	1	23,000.00	SIAP
	JUMLAH	11	324,172.00	
2014	KEAGAMAAN ISLAM	1	3,000.00	SIAP

	PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT/ORANG RAMAI	1	8,000.00	SIAP
	BANTUAN KEBAJIKAN DAN KECEMASAN	1	37,500.00	SIAP
	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	19	451,500.00	SIAP
	JUMLAH	22	500,000.00	
2015	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	101	443,500.00	SIAP
	JUMLAH	101	443,500.00	
2016	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	3	23,000.00	SIAP
	JUMLAH	3	23,000.00	
2017	PROGRAM SOSIAL MASYARAKAT	11	45,500.00	SIAP
	JUMLAH	11	45,500.00	
	JUMLAH KESELURUHAN	148	1,336,172.00	

Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek berkenaan adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.